http://banksoalanspm.blogspot.com/



1249/1
Sejarah
Kertas 1
Sept.
2011
1 jam

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

**ANJURAN**
**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)**
**CAWANGAN PERLIS**

## SEJARAH

KERTAS 1

Satu jam

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan.*

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak.



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/


*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf* **A, B, C** *dan* **D.**
*Pilih* **satu** *jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan* **hitamkan** *ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.*

1 Masyarakat tamadun Hwang Ho mengamalkan kepercayaan politisme dan animisme. Apakah fungsi tulang oracle mengikut kepercayaan masyarakat ini ?

**A** Mengubati penyakit
**B** Menjamin kedaulatan raja
**C** Meramal sesuatu keadaan
**D** Menggantikan Tuhan Langit

2 Manakah antara berikut merupakan kesan kemajuan Tamadun Mesir dalam bidang matematik?

**I** Kebolehan memumiakan mayat
**II** Kebolehan mengawal banjir
**III** Penciptaan sistem kalendar
**IV** Penciptaan roda kenderaan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

3 Siapakah yang mengetuai sistem pemerintahan oligarki dalam tamadun Yunani ?

**A** Tirani
**B** Konsul
**C** Ahli Senat
**D** Bangsawan

| Sresthin | → | Persatuan perdagangan dan perusahaan |
|---|---|---|

4 Apakah matlamat penubuhan *sresthin* dalam tamadun India?

**A** Mengawal gaji pekerja
**B** Mengawal masa bekerja
**C** Mengawal cukai barangan
**D** Mengawal kuantiti barangan


http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



5 Pembuatan monumen keagamaan dan seni arca kaagamaan India adalah berasaskan kitab *Silpasastera*.
Apakah kepentingan monumen keagamaan bagi agama Hindu dan Buddha ?

A Lambang kedaulatan raja
B Lambang keagungan raja
C Tempat upacara pangorbanan
D Tampat menyimpan kitab suci

| |
|---|
| Jumpaan seni arca yang kasar yang mempunyai langgam barcirikan Asia Tenggara khususnya, seperti arca dengan ikatan tali kulit harimau yang hanya di temui di Srivijaya |

6 Pernyataan di atas marujuk kepada salah satu cara kedatangan Hindu Buddha ka Asia Tenggara. Bukti ini merujuk kepada cara kedatangan melalui

A aktiviti penjajahan oleh golongan Ksatria
B aktiviti perdagangan oleh golongan Vaisya
C penyebaran agama oleh golongan Brahmin
D pengambilan budaya India yang manarik sahaja

7 Mengapakah masyarakat Arab dari tahun 300 Masehi hingga 610 Masehi digelar sebagai masyarakat Arab Jahiliah?

A Mengamal parbuatan tidak bermoral
B Mengamal cara hidup berpuak-puak
C Tidak mempunyai ilmu pengetahuan
D Tidak mengikut ajaran para Nabi dan Rasul

8 Apakah kesan turunnya wahyu yang kedua iaitu surah al-Muddasir ?

A Pangisytiharan Nabi Muhammad sebagai Rasulullah
B Menggalakkan perpaduan di kalangan umat Islam
C Penghijrahan Nabi Muhammad ke Madinah
D Memerintah umat Islam supaya membaca

9 Perjanjian Aqabah Pertama telah dimeterai antara Nabi Muhammad s.a.w dangan sekumpulan orang Arab Madinah pada tahun 621 M.
Antara barikut, yang manakah berkaitan dengan isi perjanjian tersebut ?

I Beriman kepada Allah dan Rasul
II Tidak akan melakukan amalan jahilliah
III Barsadia manarima nabi sebagai ketua
IV Menjemput Nabi Muhammad ke Madinah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



10 Apakah kedudukan dan hak kaum Yahudi menurut Piagam Madinah ?

A Memihak sepenuhnya kapada umat Islam
B Boleh memihak kapada mana-mana puak
C Diberi kebebasan sepenuhnya di Madinah
D Salamat salagi mematuhi Piagam Madinah

| |
|---|
| • Seville<br>• Toledo<br>• Granada |

11 Pada zaman kerajaan Bani Umaiyah, kawasan di atas terkenal sebagai

A pusat kailmuan
B pusat pantadbiran
C pusat kebudayaan
D pusat perdegangan

12 Apakah kalebihan yang dimiliki oleh kerejaan Turki Uthmaniyah sehingga mereka dianggap sebagei pelindung umat Islam di dunia ?

A Mambantu umat Islam yang mundur
B Menakluki negara-nagara Eropah
C Mambantuk tantera alit Janissari
D Menguasai kota Makkah

| |
|---|
| • Kerajaan Mindanao<br>• Kerajaan Sulu |

13 Bagaimanakah kedua-dua buah karajaan di atas menerima agama Islam ?

A Pendakwahan
B Perdagangan
C Parkahwinan
D Penaklukan

14 Apakah faktor yang menyebabkan sistem pandldikan Islam di Aceh berkembang maju ?

A Pambinaan sekolah-sekolah pondok
B Peranan raja membina pusat pendidikan
C Pendakwah terkenal menjadi tenaga pengajar
D Pengenalan sistem pendidikan yang sistematik

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| |
|---|
| • Zillullah fil-ardh<br>• Zillullah fil -alam |

15 Gelaran di atas digunakan selepas kedatangan Islam di Asia Tenggara. Apakah maksud gelaran tersebut ?

A Raja
B Pemimpin
C Wakil tuhan
D Bayangan Allah

16 Maklumat di bawah merupakan undang-undang bertulis yang terdapat di negeri-negeri Melayu.

| |
|---|
| • Undang-Undang Johor<br>• Undang-Undang Kedah |

Mengapakah sistem perundangan itu diwujudkan?

A Memajukan ekonomi
B Melicinkan pentadbiran
C Mengawal hubungan luar
D Memaju kegiatan perdagangan

17 Mengapakah aktiviti perdagangan pada Zaman Pertengahan di Eropah tidak berkembang pesat?

A Serangan orang gasar
B Sistem perhubungan terhad
C Pertanian tidak berkembang
D Tertumpu kepada penjelajahan

18 Bagaimanakah kekuasaan monarki baru diperkukuhkan pada Zaman Renaissance ?

A Pembayaran cukai secara langsung
B Sistem pentadbiran yang sistematik
C Pembentukan tentera yang kuat
D Menakluki kawasan baru

19 Penciptaan enjin berkuasa wap oleh Thomas Newcomen telah memudahkan lagi kerja melombong arang batu.
Apakah fungsi enjin tersebut ?

A memudahkan penggalian arang batu
B mengangkut arang batu keluar dari gua
C membolehkan arang batu dihancurkan dengan mudah
D mengepam dan mengeringkan air di dalam lombong arang batu



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



20 Mengapakah pelombong Eropah mampu bersaing dengan pelombong Cina dalam sektor perlombongan bijih timah pada abad ke-20 di Tanah Melayu?

A Kemampuan modal
B Tenaga buruh ramai
C Sokongan pembesar
D Kemudahan pelabuhan

21 Maklumat di bawah berkaitan dengan dasar British di Tanah Melayu.

| |
|---|
| Enakmen Tanah Padi 1917 |

Mengapakah British memperkenalkan enakmen tersebut ?

A Melarang tanaman getah di sawah padi
B Mengekalkan pemilikan tanah Melayu
C Menggalakkan penanaman padi
D Menstabilkan harga padi

22 Sebelum kedatangan Perancis, sistem birokrasi Vietnam diketuai oleh golongan Mandarin.
Golongan ini dipilih melalui

A pewarisan
B pilihan raya
C peperiksaan
D pungutan suara

23 Apakah matlamat perjuangan Katipunan di Filipina?

I Menyatukan bangsa Filipina
II Mencapai kemerdekaan melalui revolusi
III Meningkatkan kerjasama dengan kerajaan
IV Mempertahankan kuasa pemimpin tempatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



- Kelantan
- Terengganu
- Pahang

24 Apakah persamaan strategi yang digunakan oleh British bagi menangani penentangan pemimpin tempatan di negeri-negeri di atas?

A Meminta bantuan Siam
B Merampas harta pembesar
C Menggunakan nama sultan
D Menawarkan pangkat dan harta

25 Apakah isu yang ditonjolkan dalam novel *Melor Kuala Lumpur* karangan Harun Aminurrashid ?

A Menghargai warisan bangsa
B Memperjuangkan hak wanita
C Memajukan bidang kesusasteraan
D Mengekalkan nilai murni masyarakat

- Revolusi Inggeris 1688
- Perang Kemerdekaan Amerika 1776
- Revolusi Perancis 1789

26 Apakah kesan daripada peristiwa tersebut ?

A Pemantapan kuasa gereja
B Pengukuhan kuasa rakyat
C Pembentukan empayar baru
D Pembinaan negara bangsa moden

27 Pernyataan di atas merujuk kepada

A negara
B bangsa
C kerajaan
D perlembagaan

28 Kerajaan Malayan Union telah diisytiharkan pada 1 April 1946 di King's House, Kuala Lumpur.
Mengapakah British mengasingkan Singapura dari Malayan Union?

A Sebagai pusat pentadbiran British di Timur
B Mengekalkannya sebagai pelabuhan bebas
C Dijadikan pusat pentadbiran Negeri-Negeri Selat
D Kehendak Pejabat Tanah Jajahan Mahkota British

[Lihat sebelah

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



29 Kongres Melayu diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur dari 1 hingga 4 Mac 1946.
Apakah kesan perlaksanaan kongres tersebut?

A Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu
B Penubuhan Malayan Union
C Penubuhan UMNO
D Penubuhan UMO

30 Penyerahan Sarawak kepada British ditentang oleh rakyat Sarawak kerana bercanggah dengan

A Perlembagaan 1941
B Perlembagaan 1948
C Perlembagaan 1957
D Perlembagaan 1963

| Dato' Onn Jaafar |
|---|

31 Apakah portfolio yang dipegang oleh tokoh di atas dalam pelaksanaan Sistem Ahli ?

A Ahli Kesihatan
B Ahli Dalam Negeri
C Ahli Pertanian dan Perhutanan
D Ahli Perumahan dan Kerja Raya

32 Apakah unsur yang digabungkan dengan sistem birokrasi Barat dalam membentuk identiti negara dan bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka?

A Kerakyatan
B Agama Islam
C Bahasa Melayu
D Kesultanan Melayu

33 Apakah reaksi Barisan Sosialis di Singapura terhadap cadangan pembentukan Malaysia ?

A Bilangan kerusi parlimen ditambah
B Meminta diadakan pungutan suara
C Diberi kuasa mengawal hal ehwal imigresen
D Pemberian kuasa autonomi kepada negeri

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



34 Antara berikut manakah sebab pembentukan Malaysia terpaksa ditunda kepada 16 Septembar 1963?

A Laporan daripada PBB tidak dapat disiapkan
B Singapura telah menarik diri pada saat-seat akhir
C Kebangkitan pangaruh Barisan Sosialis di Singapura
D Ancaman yang kuat daripada pihak Komunis

| |
|---|
| Persetujuan majoriti lebih suara dua per tiga Dewan Parlimen dan persetujuan **X** |

35 Pernyataan di atas menerangkan tantang kaedah pindaan perlembagaan.

Jika pindaen di etas mengenai perkara yang melibatkan perubahan sempadan negeri, **X** merujuk kepada

A Menteri Besar
B Ketua Menteri
C Majlis Raja-Raja
D Perdana Menteri

| |
|---|
| Wakil rakyat bagi salah sebueh kawasan Parlimen di nageri Sarawak maninggal dunia akibat serangan jentung |

36 Merujuk kepada situasi di atas, dalam tempoh berapa lamakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu mengadakan pilihan raya kecil bagi kawasan tersabut?

A 30 hari
B 60 hari
C 90 hari
D 120 hari

37 Agensi berikut memainkan peranan penting semasa Rancangan Malaya Kedua.

| |
|---|
| • FAMA |
| • FELDA |

Apakah kepentingan agensi tersebut?

A Menarik pemodal asing
B Memajukan sektor pertanian
C Menyediakan peluang pendidikan
D Mangurangkan kadar kemiskinan

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| |
|---|
| Pagawai kerajaan ditempatkan di syarikat swasta. Kaadaan ini membolehkan perkongsian kapakaran berlaku. |

38 Program di atas terkandung dalam

A Dasar Penswastaan
B Dasar Hala Tuju Cara Baru
C Dasar Pensyarikatan Malaysia
D Dasar Paningkatan Daya Pengeluaran Negara

39 Mengapakah Negara-Nagara Salatan bargantung kepada negara-negara maju dalam pemasaran bahan mentah?

A Ketidakstabilan politik
B Kekurangan buruh mahir
C Tidak mampunyai kapakaran
D Taraf pandidikan yang rendah

40 Apakah yang manantukan kejayaan konsep ASEAN +3?

A Sumber kewangan yang mencukupi
B Kemajuan dalam bidang pandidikan
C Pembentukan kawasan bebas cukai
D Kerjasama dengan negara maju di Timur

**KERTAS SOALAN TAMAT**

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

SULIT
1249/2
Sejarah
Kertas 2
Sept.
2011
2½ jam

NO. KAD PENGENALAN:

| | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | | | | | |

ANGKA GILIRAN

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | |

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

**ANJURAN**
**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)**
**CAWANGAN PERLIS**

## SEJARAH

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**

2. *Jawab semua soalan daripada* **Bahagian A** *dan tiga soalan daripada* **Bahagian B.**

3. *Jawapan* **Bahagian A** *hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*

4. *Jawapan* **Bahagian B** *hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*

5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan* **Bahagian B.**

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | |
|---|---|---|
| Bahagian | Soalan | Markah |
| A | 1 | |
| | 2 | |
| | 3 | |
| | 4 | |
| B | 5 | |
| | 6 | |
| | 7 | |
| | 8 | |
| | 9 | |
| Jumlah | | |

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak.

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**Bahagian A**
[ 40 *markah* ]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1.




*(a)* Nyatakan **dua** bentuk sistem politik yang muncul kesan daripada peningkatan tamadun manusia.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[*2 markah* ]

*(b)* Senaraikan dua sumbangan tamadun China dalam bidang pertanian ?

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[*2 markah* ]

*(c)* Berikan ciri-ciri pendidikan dalam tamadun India.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[*2 markah* ]

*(d)* Apakah tujuan pembinaan monumen dalam tamadun Yunani ?

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[*2 markah* ]

*(e)* Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda dapat memberi sumbangan untuk melonjakkan nama negara Malaysia di mata dunia ?

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[*2 markah* ]

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



2

| |
|---|
| Undang-undang berhubung dengan pemilikan tanah telah diperkenalkan demi meneruskan penguasaan kerajaan penjajah Brtish terhadap ekonomi Tanah Melayu |

(a) Berikan dua sistem pemilikan dan penggunaan tanah di Tanah Melayu sebelum kedatangan British.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah ]

(b) Nyatakan **dua** perubahan sistem pemilikan dan penggunaan tanah di Tanah Melayu yang diperkenalkan oleh pihak British.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah ]

(c) Mengapakah pihak British memperkenalkan Akta Tanah Simpanan Melayu pada tahun 1913?

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah ]

(d) Apakah kesan terhadap orang Melayu hasil pelaksanaan Akta Tanah Simpanan Melayu 1913?

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah ]

(e) Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah kita dapat mengatasi masalah tanah terbiar di negara ini ?

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 markah ]

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



3




Rajeh di atas merujuk kepada pembentukan Malaysia 1963.

*(a)* Berikan **dua** peranan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum dalam pembentukan Malaysia.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[*2 markah* ]

*(b)* Apakah tujuen penubuhan Suruhanjaye Cobbold.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[*2 markah* ]

*(c)* Nyatakan hasil tinjauan suruhanjaya tersebut ke atas Sarawak dan Sabah.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[*2 markah* ]

*(d)* Kemukakan **dua** cadangan Suruhanjaya Cobbold berkaitan dengan penubuhan Malaysia.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[*2 markah* ]

*(e)* Pembentukan Malaysia telah mewujudkan kepelbagaian budaya dan etnik di negara ini. Sebagai pelajar, bagaimanakah anda dapat meningkatkan kefahaman tentang kepelbagaian budaya dan etnik tersebut ?

(i)..........................................................................................................

(ii)..........................................................................................................

[*2 markah* ]

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



4.

> Laporan Rahman Talib 1960 dan Jawatankuasa Kabinet 1974 telah memberi sumbangan dalam pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menjurus kepada pemupukan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini.

*(a)* Nyatakan **dua** syor baru yang dikemukakan oleh Laporan Rahman Talib 1960 untuk memupuk perpaduan kaum.

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[2 *markah* ]

*(b)* Senaraikan **dua** cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Rahman Talib 1960.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 *markah* ]

*(c)* Apakah objektif penubuhan Jawatankuasa Kabinet 1974 ?

(i) ..........................................................................................................

[1 *markah* ]

*(d)* Tuliskan **dua** kandungan laporan Jawatankuasa Kabinet 1974.

(i) ..........................................................................................................

(ii) ..........................................................................................................

[2 *markah* ]

*(e)* Sebagai warganegara yang prihatin, bagaimanakah anda dapat menjayakan konsep 'Satu Malaysia' yang diwar-warkan oleh kerajaan ?

(i)..........................................................................................................

(ii)..........................................................................................................

(iii)..........................................................................................................

[3 *markah* ]

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**Bahagian B**
[ 60 markah ]
*Jawab* **tiga** *soalan sahaja.*

5 Sebelum kedatangan pengaruh kebudayaan India, masyarakat Asia Tenggara secara umumnya telah mengembangkan budaya sendiri semenjak dari Zaman Logam lagi.

(a) Huraikan cara-cara kedatangan pengaruh Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara. [5 *markah*]

(b) Jelaskan pengaruh Hindu dan Buddha dalam sistem pemerintahan kerajaan di Asia Tenggara. [10 *markah*]

(c) Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah kita dapat mengekalkan keharmonian rakyat negara kita ? [5 *markah*]

6 Perjanjian Hudaibiyah pada tahun 628 M telah menjadi perintis ke arah pembukaan semula kota Makkah.

(a) Jelaskan sebab - sebab pembukaan semula kota Makkah oleh Nabi Muhammad s.a.w.. [ 6 *markah*]

(b) Nyatakan kepentingan pembukaan semula kota Makkah. [10 *markah*]

(c) Apakah sumbangan yang boleh anda berikan untuk mengekalkan keharmonian kaum di negara kita ? [4 *markah*]

7 Penguasaan Sepanyol terhadap Filipina telah meninggalkan kesan yang sangat besar ke atas negara tersebut.

(a) Terangkan bentuk pentadbiran yang dilaksanakan oleh Sepanyol di Filipina. [6 *markah*]

(b) Bincangkan perjuangan nasionalisme di Filipina. [10 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, apakah iktibar yang boleh dipelajari daripada gerakan nasionalisme di Asia Tenggara ? [4 *markah*]

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



8 Malayan Union merupakan usaha British untuk menghapuskan negara dan bangsa yang telah dibina sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(a) Mengapakah Malayan Union ditentang oleh orang Melayu ? [8 *markah*]

(b) Jelaskan bentuk bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union. [8 *markah*]

(c) Sebagai seorang rakyat Malaysia, apakah langkah yang boleh anda ambil untuk memastikan keselamatan negara terjamin ? [4 *markah*]

9 Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua telah meninggalkan kesan besar terhadap sejarah dunia.

(a) Huraikan faktor-faktor tercetusnya Perang Dunia Pertama. [8 *markah*]

(b) Kebuntuan dalam siri rundingan selepas Perang Dunia Kedua telah membawa kepada kemunculan blok dunia dan Perang Dingin.
Apakah yang anda faham tentang :
i) Blok Dunia [4 *markah*]

ii) Perang Dingin [4 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan berlakunya konflik antarabangsa ? [4 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

**SKEMA KERTAS 1 PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEJARAH PERLIS 2011.**

| NO | JAWAPAN |
|---|---|
| 1. | C |
| 2. | C |
| 3. | B |
| 4. | A |
| 5. | B |
| 6. | D |
| 7. | C |
| 8. | A |
| 9. | A |
| 10. | D |
| 11. | A |
| 12. | D |
| 13. | A |
| 14. | D |
| 15. | D |
| 16. | B |
| 17. | A |
| 18. | A |
| 19. | D |
| 20. | A |

| NO | JAWAPAN |
|---|---|
| 21. | A |
| 22 | C |
| 23 | A |
| 24 | C |
| 25 | B |
| 28 | D |
| 27 | A |
| 28 | B |
| 29 | C |
| 30 | A |
| 31 | B |
| 32 | D |
| 33 | B |
| 34 | A |
| 35 | C |
| 36 | C |
| 37 | B |
| 38 | C |
| 39 | C |
| 40 | D |

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

Skema Sejarah Kertaa 2

**Soalan 1.**

a

F1 Monarki .
F2 Oligarki
F3 Aristokrasi
F4 Diktator / tirani
F5 Demokrasi
F6 Republik

**Mana-mana 2 X 1M = 2M** maks

b

F1 Pada Zaman Han tenggala diperkenalkan untuk membuat batas tanaman
F2 Zaman Ming dan Ching – kenalkan tanaman bergilir
F3 Zaman Shang – teres kawasan bukit untuk pertanian,
F4 Membina sistem pengairan
F5 Sistem kawalan banjir diperkenalkan
F6 Membina terusan untuk mengairkan kawasan pertanian
F7 Petani menggunakan teknologi pembajakan
F8 Mencipta cangkul dan sabit
F9 Menggunakan batas untuk tujuan penanaman
F10 Peralatan pertanian dibuat daripada logam besi menggantikan peralatan daripada kayu

**Mana-mana 2X 1M = 2M maks**

c

F1 Peningkatan pendidikan bermula pada Zaman Vedik
F2 Sangat mementingkan keagamaan
F3 Agama Hindu menjadi teras
F4 Didominasi oleh kaum lelaki
F5 Pembelajaran kitab-kitab Veda dan bahasa Sanskrit.
F6 Kaedah hafalan
F7 Tujuan pendidikan menyediakan manusia menghadapi hari selepas mati.
F8 Pendidikan tinggi di Kolej Brahman.
F9 Sebelum itu dijalankan di istana dan di rumah.
F10 Pada tahun 4M wujud universiti agama Buddha iaitu Nalanda
F11 Untuk capai taraf Brahmin ; perlu hafal buku agama (Veda yang mengandungi peraturan ritual, mantera dan lagu agama), mempelajari karya saintifik dan falsafah.
F12 Zaman seterusnya, tujuan pendidikan untuk tingkatkan ilmu sains, tambah pengetahuan, atasi buta huruf dan dapatkan jawatan dalam pemerintahan.

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

d

F1 Acropolis adalah pusat pentadbiran atau ibu negeri di Athens.
F2 Dibina untuk tujuan keagamaan dan pusat kegiatannya.
F3 Parthenon – rumah berhala untuk dawi Athena.
F4 Dibina untuk mengingati kejayaan membebaskan diri dari kuasa Parsia

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

e

| | |
|---|---|
| F1 | Bersikap inovatif |
| F2 | Menimba ilmu pengetahuan |
| F3 | Memahirkan diri dengan ICT |
| F4 | Belajar bersungguh sungguh sehinga peringkat tertinggi |
| F5 | Mematuhi undang undang |
| F6 | Memelihara kaamanan negara |
| F7 | Menyertai pertandingan peringkat antarabangsa |
| F8 | Memberi kerjasama dalam program anjuran kerajaan |
| M | Mana mana jawapan yang munasabah |

**Soalan 2**

a

| | |
|---|---|
| F1 | Segala hal berkaitan tanah mesti mendapet kebenaran para pembesar |
| F2 | Tanah merupakan sumber ekonomi |
| F3 | Tanah merupakan tunggak kuasa politik |
| F4 | Tanah mencerminkan kedudukan seorang pembesar |
| F5 | Mengikut undang undang adat |
| F6 | Tanah akan menjadi milik seseorang yang meneroka |
| F7 | Tanah akan menjadi milik seseorang yang mengerjakan tanah tersebut |
| F8 | Tanah boleh diwarisi oleh generasi yang terkemudian |
| F9 | System pemilikan tanah tidak mempunyai rekod dan catatan sempuma |

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

b

| | |
|---|---|
| F1 | Sistem pemilikan tanah mesti direkodkan |
| F2 | Tanah dibahagikan mangikut kegunaannya |
| F3 | Tanah dibahagikan mengikut nilai komeslalnya |
| F4 | Kadar cukai yang dikenakan adalah mengikut janis tanah |
| F5 | Individu atau syarikat yang ingin mengusahakan sesuatu tanah perlu membuat permohonan daripada Pajabat Tanah |
| F6 | Orang Melayu perlu mendapat kebenaran daripada Pejabat Tanah untuk mengutip sumber hutan seperti nipah, damar dan rotan. |
| F7 | Undang undang Tanah membari kuasa kapada Residen negari menentukan jumlah kawasan konsesi tanah yang akan diberikan kepada para pemodal. |
| F8 | Residen membuat keputusan permohonan tanah untuk aktiviti ekonomi. |

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

c

| | |
|---|---|
| F1 | Menjamin kelangsungan ekonomi, sosial dan politik orang Melayu |
| F2 | Mengelakkan tanah milik orang Melayu berpindah kepada orang asing |
| F3 | Untuk melindungi ekonomi British. |
| F4 | Menghalang orang Melayu menanam tanaman komersial |

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

d

| | |
|---|---|
| F1 | Orang Melayu kekal sebagai golongan patani. |
| F2 | Dapat mengalakkan tanah milik orang Melayu berpindah kepada orang asing |
| F3 | Menjamin kelangsungan akonomi, sosial dan politik orang Melayu |
| F4 | Tanaman komersial tidak dibenarkan di TSM |
| F5 | Kebanyakkan kawasan TSM tidak subur |
| F8 | Walaupun besar tetapi tidak sesuai untuk ekonomi perladangan |

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

e

F1 Mengkomersialkan tanah terbiar yang tidak subur
F2 Menjalankan tanaman kelompok
F3 Menguatkuasakan undang undang
F4 Kerajaan memberi bantuan kewangan untuk mengusahakan tanah tersebut
F5 Kerajaan merampas tanah terbiar
M Mana mana jawapan yang munasabah

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

**Soalan 3.**

a

F1 menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia
F2 mangumpulkan pandangan penduduk
F3 menggalakkan kagiatan ke arah pembentukan Malaysia

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

b

F1 meninjau pendapat penduduk Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia
F2 membuat penilaian tentang tinjauan tersebut
F3 kemukakan cadangan kepada pihak British.

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

c

F1 1/3 penduduk Sabah dan Sarawak menyokong gagasan Malaysia
F2 1/3 menyokong dengan syarat iaitu kepentingan mereka dilindungi.
F3 1/3 inginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia.

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

d

F1 Perlembagaan Malaysia yang baru harus berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
F2 Sabah dan Sarawak dibenar menentukan dasar imigresennya
F3 Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan.
F4 Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sabah dan Sarawak.
F5 Pemberian nama Malaysia kepada negara baru yang dibentuk.
F6 Penentuan tarikh penubuhan Malaysia.

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

e

F1 Pertukaran pelajar antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Tanah Melayu
F2 Penubuhan Sekolah Integrasi
F3 Pertukaran kakitangan kerajaan
F4 Tidak menimbulkan isu-isu sensitif berkaitan dengan Perkara 20
F5 Menganjurkan program lawatan ke Sabah dan Sarawak untuk memahami budaya masyarakat
F6 Menganjurkan sukan peringkat kebangsaan
F7 Menjayakan program RIMUP- Rancangan Integrasi Murid untuk perpaduan
F8 Merealisasikan dasar-dasar kerajaan ke arah perpaduan
F9 Mengagihkan dan menikmati kekayaan negara secara sama rata
F10 Menghormati kandungan, maksud dan latar sejarah Perlembagaan Malaysia
M Mana-mana jawapan yang munasabah

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

**Soalan 4.**

a

F1 Sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan
F2 Sekolah janis umum dijadikan sekolah jenis kebangsaan
F3 Pelajaran percuma diberikan kapada semua pelajar sekolah rendah kerajaan tanpa mengira katurunan dan agama.
F4 Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kabangsaan
F5 Sekolah randah yang menggunakan bahasa Inggeris sabagai bahasa pengantar ditukar ka Bahasa Melayu.
F8 Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah manangah

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

b

F1 Panggunaan bahasa Malayu sebagai bahasa kebangsaan
F2 Sekolah rendah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ditukar ka Bahasa Melayu.
F3 Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di samua sekolah menengah
F4 Pelajaran agama Islam diajar di semua sekolah bantuan kerajaan yang mempunyai labih kurang 15 orang pelajar..
F5 Bahasa Cina dan Tamil akan diajar di sekolah kebangsaan sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 orang pelajar.
F6 Semua peperiksaan awam akan diadakan dalam bahasa kabangsaan.

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

c

F1 Dibentuk untuk mengkaji semula perlaksanaan sistem pelajaran kebangsaan.
F2 Menilai sejauh mana pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan dapat melahirkan sumber tenaga manusia yang diperlukan nagara.
F3 Mengenal pasti sejauh mana dasar pelajaran kebangsaan dapat melahirkan masyarakat yang besatu padu, bardisiplin dan terlatih

**Mana-mana 1 X 1M = 1M maks**

d

F1 Penekanan terhadap penguasaan dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).
F2 Kenaikan darjah secara automatik
F3 Penekanan terhadap sekolah vokasional
F4 Sukatan pelajaran sekolah swasta
F5 Bahasa Melayu sebagal mata pelajaran wajib dalam peperiksaan
F6 Panekanan terhadap disiplin dan kokurikulum sebagal asas perpaduan

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

e

F1 Manyertai kegiatan sukan peringkat sekolah
F2 Menyertai kegiatan ko-kurikulum
F3 Bergaul dengan rakan tanpa mengira kaum
F4 Penggunaan bahasa Melayu di sekolah
F5 Pengamalan pelbagai budaya Malaysia
F6 Saling kunjung-mengunjung semasa perayaan
F7 Menghormati agama kaum lain di Malaysia
F8 Mamahami budaya kaum kaum di Malaysia
M Mana-mana jawapan yang munasabah

**Mana-mana 2 X 1M = 2M maks**

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

**Soalan 5.**

a

| | |
|---|---|
| F1 | Dibawa oleh golongan ksyatria atau tentera |
| H1a | Disebarkan oleh golongan penakluk dai India |
| H1b | Mereka membentuk tanah jajahan takluk di Asia Tenggara |
| F2 | Dibawa oleh pedagang atau vaisya |
| F3 | Dibawa oleh golongan Brahmin atau pendeta |
| F4 | Proses itu berlaku melalui pengambilan aspek-aspek kebudayaan India yang menarik sahaja |
| H4a | Disesuaikan dengan budaya tempatan untuk diamalkan |
| H4b | Para sejarawan bersetuju menerima pendapat tersebut |
| H4c | Kajian arkeologi berdasarkan jumpaan seni arca yang kasar yang mempunyai langgam bercirikan Asia Tenggara |
| C4a | Seperti arca dengan ikatan tali kulit harimau yang hanya ditemui di Srivijaya |

**Mana-mana 5 X 1M = 5M maks**

b

| | |
|---|---|
| F1 | Kegelaran raja digunakan / sistem beraja |
| H1a | Raja berada di puncak pemerintahan |
| H1b | Dibawahnya terdapat kerabat diraja, pembesar dan brahmin |
| H1c | Terdapat pula rakyat pelbagai golongan dan hamba |
| F2 | Raja berkuasa mutlak dalam semua aspek pemerintahan |
| H2a | Meliputi pentadbiran,hubungan luar, ketenteraan dan khazanah negara |
| H2b | Perintah raja menjadi undang-undang yang wajib dilaksanakan |
| H2c | Sesiapa yang melanggar perintah bermakna mereka menderhaka dan tidak akan diampunkan |
| H2d | Raja dikehendaki adil kepada golongan yang diperintah |
| F3 | Rakyat takut untuk menderhaka walaupun raja tidak berlaku adil |
| H3a | Ketakutan itu timbul kerana wujudnya kepercayaan bahawa raja merupakan bayangan tuhan |
| F4 | Lahir konsep dewa-raja dalam sistem pemerintahan kerajaan awal |
| H4a | Raja tuhan atau dewa-raja dipercayai memiliki kesaktian |
| F5 | Lahir unsur mitos dan legenda tentang asal-usul raja untuk memperkuat kedudukan dan status raja sebagai pemerintah |
| F6 | Bagi mengukuhkan kedaulatan raja, diwujudkan pelbagai adat istiadat seperti pertabalan raja |
| H6a | Upacara pertabalan ini dipimpin oleh golongan Brahmin |
| H6b | Tanpa mengira sama ada raja tersebut menganut agama Hindu atau Buddha |
| H6c | Tujuan adat istiadat diwujudkan adalah untuk membezakan kedudukan raja daripada golongan yang diperintah |
| F7 | Raja bercita-cita menjadi raja terulung iaitu menjadi raja yang berkuasa terhadap seluruh alam semesta |
| H7a | Meraka mendirikan kompleks kota yang melambangkan konsep alam semesta |
| H7b | Dikenali juga dengan nama orde kosmos |
| H7c | Negara dianggap sebagai suatu alam semesta |
| H7d | Raja dan Ibu kotanya ialah pusat alam dan pusat pemerintahannya |
| H7e | Raja bertanggungjawab mengatur kesejahteraan negara dan rakyat selaras dengan Dharma |
| C7a | Contohnya, Raja Suryavarman II yang memerintah kerajaan Angkor telah membina Angkor Wat |

**Mana-mana 10 X 1M = 10M maks**

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

c

| | |
|---|---|
| F1 | Saling menghormati antara satu kaum dengan kaum yang lain |
| F2 | Sambutan perayaan setiap kaum turut diraikan olah rakyat pelbagai kaum |
| F3 | Kebebasan menyambut perayaan agama masing-masing |
| F4 | Bebas melaksanakan amalan agama tanpa gangguan |
| F5 | Kebebasan membina tempat baribadat selagi mematuhi undang-undang |
| F6 | Menghormati penganut agama agama di negara kita |
| F7 | Bertolaka ansur apabila timbulnya sebarang isu berkaitan parkauman |
| M | Mana-mana jawapan yang munasabah |

**Mana-mana 5 X 1M = 5M maks**

**Soalan 6**

a

| | |
|---|---|
| F1 | Kota Makkah tempat kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. |
| F2 | Tempat lahirnya agama Islam |
| F3 | Pihak Arab Quraisy melanggar Perjanjian Hudaibiyah |
| F4 | Pihak Arab Quraisy mencabuli gencatan senjata selama 10 tahun |
| F5 | Tidak menghormati hak kebebasan yang telah dipersetujui bersama |
| F6 | Mereka membunuh beberapa orang Bani Khuza'ah |
| H6a | yang berpihak kepada Islam |
| F7 | Merupakan strategi jangka panjang |
| H7a | bagi meneruskan penyebaran Islam |
| F6 | Untuk memantapkan kedudukan kerajaan Islam di Madinah |

**Mana-mana 6 X 1M = 6M maks**

b

| | |
|---|---|
| F1 | Menekankan kepentingan parpaduan diamalkan dalam sesebuah masyarakat pelbagai bangsa dan agama |
| H1a | Harus bersifat baik sangka |
| H2a | Bantu-mambantu demi mewujudkan dan mengekalkan perpaduan |
| F2 | Sifat pemaaf Nabi Muhammad s.a.w. terhadap orang Arab Quraisy |
| H2a | Nabi Muhammad s.a.w. tidak membalas dendam terhadap penduduk Makkah yang memusuhi Islam |
| H2b | Sifat pemaaf ini manjadi kunci kejayaan penyebaran Islam |
| F3 | Kaabah terpelihara daripada unsur-unsur jahiliah |
| H3a | Agama menyembah berhala yang menjadi amalan masyarakat Arab Jahiliah dihapuskan selama-lamanya |
| H3b | Masyarakat Islam telah mula mendalami ilmu pengatahuan Islam |
| F4 | Kota Makkah dijadikan sebagai kota suci umat Islam |
| H4a | Kota Makkah menjadi tumpuan umat Islam dari seluruh dunia untuk melakukan ibadat |
| H4b | Membuktikan negara Islam yang dibentuk di Madinah kukuh di bawah kapimpinan Nabi Muhammad s.a.w. |
| F5 | Menjadi pembuka jalan ke arah penyebaran Islam ke seluruh Tanah Arab |
| H5a | Dakwah Islam telah tersebar secara aman |
| H5b | Masyarakat mameluk Islam secara sukarela tanpa paksaan daripada mana-mana pihak |
| F6 | Mewujudkan sebuah pusat pemerintahan Islam yang kuat |
| H6a | Walaupun Makkah berjaya dikuasai, namun Madinah tetap menjadi pusat pentadbiran Islam |
| H6b | Makkah dijadikan sebagai salah sebuah wilayah Islam |
| H6c | Baginda telah melantik wakil di Makkah bagi menjalankan pemerintahan Islam |

**Mana-mana 10 X 1M = 10M maks**

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

c

| | |
|---|---|
| F1 | Mengekalkan parpaduan masyarakat |
| F2 | Bakerjasama dengan pihak berkuasa |
| F3 | Mewujudkan hubungan baik di kalangan masyarakat |
| F4 | Mewujudkan pasukan Rukun Tetangga |
| F5 | Kempen anti jenayah |
| F6 | Mamberi kesedaran kepada pelajar sekolah tentang kesan melibatkan diri dengan jenayah |
| F7 | Menampal poster poster anti jenayah di sekolah |
| M | Mana-mana jawapan yang munasabah |

**Mana-mana 4 X 1M = 4M maks**

**Soalan 7**

a

| | |
|---|---|
| F1 | Sistem pentadbiran berpusat |
| F2 | Peringkat pusat diketuai oleh Gabenor Jeneral |
| F3 | Pentadbiran wilayah diketuai oleh Datuk Bandar |
| F4 | Bandar dikatuai oleh Gabenor Kecil |
| F5 | Pentadbiran tempatan mengikut Sistem Encomienda |
| F6 | Pemerintah dikenali sebagai Encomiendero |
| F7 | Tugas Encomiendero menjaga keamanan, |
| H7a | mengutip cukai |
| H7b | mangkristiankan penduduk barangay |
| F8 | Sistem Encomiendero dibenci karana mengenakan cukai yang tinggi |
| H8a | dan kerahan tenaga |
| F9 | Penyatuan barangay manyebabkan kemerosotan sistem pemarintahan tradisional Datu |

**Mana-mana 6 X 1M = 6M maks**

b

| | |
|---|---|
| F1 | Gerakan nasionalisma mendahului negara lain di Asia Tenggara. |
| F2 | Tahap Pertama, gerakan dakyah dipimpin oleh Josa Rizal |
| F3 | Bellau disokong oleh golongan pertengahan berpendidikan barat. |
| H3a | menuntut Filipina dijadikan wilayah Sepanyol. |
| H3b | bangsa Filipina diberi hak yang sama dengan bangsa Sepanyol |
| H3c | bangsa Filipina diberi hak barsuara |
| F4 | Jose Rizal tubuhkan Liga Filipina |
| H4a | untuk desak Sapanyol adakan pembaharuan politik, ekonomi dan sosial. |
| F5 | Beliau dibuang negeri dan dihukum bunuh |
| F6 | Tahap kedua bermula apabila Andres Bonifacio menubuh Katipunan |
| F7 | Katipunan menentang secara radikal |
| H7a | Matlamat Katipunan untuk manyatukan bangsa Filipina |
| H7b | dan mencapai kemerdekaan melalui revolusi |
| F8 | Menggunakan media cetak untuk manyebarkan revolusi kepada rakyat |
| C8a | Kalayan merupakan akhbar rasmi |
| F9 | Melancarkan revolusi bersenjata untuk menggulingkan Sepanyol |
| H9a | tetapi gagal |
| F10 | Katipunan semakin lemah |
| H10a | Bonifacio dihukum mati oleh Emilio Aguinaldo |
| F11 | Emilio Aguinaldo dilantik sebagai Presiden Kerajaan Revolusi Filipina |
| F12 | Aguinaldo bekarjasama dengan Amerika Syarikat |

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

H12a berjaya mengusir Sepanyol
F13 Amerika Syarikat pula menguasai Filipina.
H13a Pengisytiharan kemardekaan tidak disahkan Amerika Syarikat.
F14 Revolusi diteruskan sehingga Aguinaldo ditangkap
F15 Amerika Syarikat membenarkan penubuhan parti politik sederhana
F18 Sergio Osmena dilantik mengetuai Dewan Perhimpunan
H16a Apabila Parti Nasional memenangi pilihan raya pada 1907
F17 1930-an, nasionalis Filipina mula menuntut kemerdekaan melalui perlembagaan
F17a apabila pucuk pimpinan Amerika Syarikat bertukar menjadi lebih liberal

**Mana-mana 10 X 1M = 10M maks**

c
F1 Pemimpin berwibawa
F2 Pemimpin dan rakyet perlu bersatu
F3 Perlu kekuatan senjata
F4 Elakkan daripada bergantung kepada kuasa luar
F5 Keberanian yeng tinggi
F6 Perlu pengetahuan yang tinggi
F7 Strategi yang baik
F8 Organisasi politik yang mantap
F9 Berwaspada dengan kuasa luar
M Mana-mana jawapen yang munasabah

**Mana-mana 4 X 1M = 4M maks**

**Soalen 8**

a
F1 Orang Melayu membantah cara Mc Michael mengugut raja- raja Melayu
H1a bahawa baginda akan diturunkan takhta jika enggan menerima Malayan Union.
F2 Sultan tidak diberikan masa yang mencukupi untuk berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri
F3 Ada sultan yang menandatangani Perjanjian Malayan Union atas dasar setia kawan kepada British
F4 Penghakisan kuasa reja-raja Melayu dalam Malayan Union.
H4a Raja Melayu hanya menjadi ahli Majlis Raja Raja Melayu
H4b tanpa sebarang kuasa.
H4c Raja Melayu kehilangan takhta dan kredibiliti sebagai ketua orang Melayu.
H4d Zakat fitrah dipungut atas nama Gabenor Malayan Union.
H4e Ini bertentangan dengan kedudukan raja sebagai ketua agame Islam
F5 Pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang dagang
H5a dilihat akan mengancam status qou orang Melayu sebagai pribumi.
H5b Jumlah orang Melayu akan menjadi kecil
H5c dan mengancam ekonomi dan pendidikan mereka.
F6 Orang Melayu bimbeng akan kehilangan Warisan Tamadun Melayu.
H6a Pengenalan Malayan Union akan menghapuskan sejarah yang dibina oleh Kesultanan Melayu Melaka.

**Mana-mana 8 X 1M = 8M maks**

b
F1 Bantahan disuarakan secara berterusan
H1a melalui akhbar
C1e seperti Utusan Melayu, Majlis dan Warta Negara

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

F2 Beberapa demontrasi telah diadakan secara damai
H2a semasa Sir Harold Mac Michael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu di Kota Bharu, Kelantan dan Alor Star, Kedah
F3 Beberapa persatuan Melayu telah dipulihkan kembali
H3a untuk menentang Malayan Union dengan menghantar telegram dan surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London.
F4 Dato' Onn Jaafar telah menyeru orang Melayu untuk berkongres
H4a dan menubuhkan United Malays Orgenization ( UMO )
H4b sebagai benteng menentang Malayan Union
F5 1 hingga 4 Mac 1946 Kongres Melayu telah dilakukan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur
H5a Ia telah dihadiri oleh 41 buah persatuan seluruh Semenanjung Tanah Melayu
F6 Dalam persidangan tersebut, kongres bersetuju menubuhkan United Malays National Organization( UMNO)
F7 Kongres Melayu Kedua diadakan pada30 hingga 31 Mac 1946
H7a untuk membantah perlsytiharan Malayan Union pada 1 April 1946
F8 Rapat umum telah dilakukan untuk menunjukkan bantahan mereka
H8a terhadep ahli-ahli Parlimen British
C8a iaitu LD Gammans dan David Reese William
F9 28 April 1946 , Raja-raja Melayu berkumpul di Kuala Kangsar
H9a untuk menyatakan bantahan mereka kepada ahli-ahli parlimen tersebut
F10 Orang Melayu berkabung selama 7 hari

**Mana-mana 8 X 1M = 8M maks**

c
F1 Semua rakyat bersatu padu tanpe mengira kaum
F2 Patuh kepeda undang-undang negara
F3 Menghormati Perlembagaan Malaysia
F4 Tidak melakukan kegiatan jenayah/kekacauan
F5 Isu sensitif pelbagai kaum tidak dimainkan
F6 Memberikan kerjasama kepada pihek/anggota keselamatan negara
F7 Berwaspada dengan anasir-anasir asing
F8 Bekerjasama membangunkan negara
F9 Peka kepada isu-isu semasa berkaitan keselamaten negara
F10 Menyokong kempen/program berkaitan keamanan dan keselamatan negara
M Mana-mana jawapan yang munasabah

**Mana-mana 4 X 1M = 4M maks**

**Soalan 9**
a
F1 Faktor ekonomi melibatkan persaingan kuasa besar
H1a untuk marebut peluang ekonomi.
F2 Penghujung abad ke 19, negara-negara kecil di Eropah bersatu
H2a dan membentuk sebuah negara bangsa yang lebih besar
C2a contohnya Jerman dan Itali.
H2b Kedua-dua negara ini menyertai kuasa besar Eropah yang lain
C2b seperti Britain, Austria Hungary, Perancis dan Rusia
H2c dalam usaha mendapatkan tanah jajahan.
F3 Muncul sistem pakatan negara-negara Eropah
H3a ieitu Pakatan Bertiga dan Kuasa Kuasa Tangah.
H3b Nasionalisme yang kuat menyebabkan kuasa kuasa besar ini sanggup

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

| | |
|---|---|
| | berperang |
| H3c | untuk membuktikan kekuasaen masing-masing. |
| F4 | Imperialisme Baru menyebabkan kuasa Eropah mula bersaing. |
| H4a | untuk membentuk lingkungan pengaruh masing masing |
| H4b | untuk mendapatkan bahan mentah |
| H4c | dan memasarkan barangan siap mereka |
| F5 | Faktor segera pencetus Perang Dunia Pertama ialah pembunuhan Archduke Franz Ferdinand, pewaris takhta Austria Hungary dan isterinya |
| H5a | oleh seorang pengganas Serbia. |
| H5b | Austria dengan sokongen Jerman telah mengisytiharkan perang terhadap Serbia. |
| H5c | Serbia disokong oleh Rusia dan Perancis |
| H5d | Serangan Jerman terhadap Perancis melalui negara berkecuali Belgium telah menimbulkan kemarahan Britain. |
| H5e | dan campur tangan dalam konflik itu |

**Mana-mana 8 X 1M = 8M maks**

**b**

| | |
|---|---|
| F1 | Muncul akibat kebuntuan dalam siri rundingan mencari penyelesaian Perang Dunia Kedua |
| F2 | Merujuk kepada negara-negara yang sehaluan |
| H2a | yang berusaha untuk bersatu |
| H2b | dan bertindak secara bersama bagi menjaga kepentingan ahli. |
| F3 | Blok blok ini muncul berdasarkan aspek politik, ekonomi atau geografi. |
| F4 | Blok dunia yang terbentuk semasa Perang Dingin. |
| H4a | berasaskan geopolitik |

**Mana-mena 4 X 1M = 4M maks**

| | |
|---|---|
| F1 | Berlaku sejak tamatnya Perang Dunia Kedua hingga tahun 1989 epabila sistem komunis Soviet Unlon runtuh |
| F2 | Berlaku disebabkan fahaman politik dan ideologi yang berbeza. |
| F3 | Perang Dingin merujuk kepade persaingan kuasa yang berlaku antara dua blok |
| H3a | blok kapitalis yang diketuai USA |
| H3b | blok komunis yang diketuai oleh Soviet Union. |
| F4 | Tidak berlaku sebarang konflik bersenjata secara langsung antara kedua dua blok ini. |
| F5 | Kedua dua blok cuba membuktiken kekuatan masing masing dengan berusaha menyebarkan pengaruh |
| H5a | dan memajukan kepentingan masing masing di Eropah dan Asia |
| H5b | melalui propagenda serta bantuan ekonomi dan ketenteraan. |

**Mana-mane 4 X 1M = 4M maks**

**c**

| | |
|---|---|
| F1 | Mematuhi Piagam PBB |
| F2 | Menghormati kedaulatan negara lain |
| F3 | Mengelakken sebarang persengketaan antare negara |
| F4 | Mengeratkan hubungan diplomatik |
| F5 | Mengelakkan sebarang persaingan senjata |
| F6 | Menyertai misi keamanan |
| F7 | Mengadakan forum keamanan |
| M | Mana mana jawapan yang munasabah |

http://banksoalanspm.blogspot.com/